



SAPU...peniaga mula membersihkan kedai di Pasar Rantau Panjang sebelum memulakan perniagaan.

Sekitar banjir

Peniaga mula buka kedai

>>Oleh Mohd Nor Asri Yaacob
am@hmetro.com.my

RANTAU PANJANG: Walaupun masih berlumpur akibat banjir empat hari lalu, kira-kira 300 peniaga di Pasar Rantau Panjang kembali ke kedai masing-masing untuk membersihkan premis dan meneruskan perniagaan seperti biasa, semalam.

Tinjauan di pasar berkenaan mendapati peniaga mula membersihkan premis masing-masing yang berlumpur akibat banjir, malah sudah ada pengunjung termasuk pelancong membeli-belah di pasar berkenaan.

Peniaga, Abdul Razak Ab-

dul Rahman, 70, berkata, dia bersyukur kerana banjir tidak berpanjangan, sekali gus membolehkannya kembali berniaga kain dan pakaian.

Katanya, walaupun keadaan pasar masih belum dibersihkan sepenuhnya, kebanyakan peniaga boleh membuka kedai masing-masing.

"Saya terpaksa membersihkan laluan di depan kedai terlebih dahulu kerana berlumpur dan dipenuhi sampah akibat banjir.

"Selepas ramai peniaga membuka kedai, suasana pasar ini kembali meriah dan pelanggan termasuk pelancong sudah mula membeli-belah," katanya.

Pengunjung, Nur Salma

Ridzuan, 32, pula berkata, dia tidak menyangka pasar berkenaan sudah beroperasi kerana banjir teruk melanda kawasan berkenaan.

"Pada mulanya saya mahu mendapatkan stok pakaian di Kota Bharu kerana menyangka Pasar Rantau Panjang masih tutup akibat banjir. Bagaimanapun kenalan memberitahu pasar itu sudah mula beroperasi hari ini (semalam).

"Pasar ini terkenal sebagai pasar yang menjual barangan dengan harga murah. Tindakan peniaga segera membuka kedai memang bagus kerana memudahkan peniaga seperti saya membeli stok barangan," katanya.

4 pusat pemindahan banjir ditutup

KOTA BHARU: Empat pusat pemindahan mangsa banjir di Rantau Panjang ditutup semalam, menjadikan jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di negeri ini berkurangan kepada 465 orang berbanding 1,761 orang, kelmarin.

Sehingga jam 6 petang semalam, pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang Dua, SK Gual Tinggi, Madrasah Kampung Rahmat dan Masjid Kubang Kual ditutup dan hanya 119 keluarga masih ditempatkan di empat buah pusat pemindahan sementara di daerah

Tumpat dan Pasir Mas.

Jurucakap bilik gerakan banjir negeri berkata bilangan mangsa turun secara mendadak semalam.

"Berdasarkan pecahan, 290 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan banjir dalam daerah Pasir Mas manakala selebihnya iaitu 175 di daerah Tumpat.

"Seramai 261 mangsa terdiri daripada kanak-kanak," katanya.

Dalam perkembangan lain, semua enam jalan yang ditutup di daerah Pasir Mas dan Tumpat mula dibuka, semalam.

Jalan berkenaan adalah, Jalan Pohon Tanjung-Rantau

Panjang (Jalan Lama) di Km3 (Kampung Siram), Jalan Rantau Panjang - Panglima Bayu, Km 10 di Kampung Kubang Rambutan, Jalan Banggol Kulim Lokasi 2 di Km 1 (Kampung Banggol Kulim), Jalan Pengkalan Rakit di Km 3 (Kampung Pengkalan Rakit) di Pasir Mas, manakala di Tumpat pula, Jalan Cabang Empat, Kampung Jambu, Meranti, Km3 (Kampung Ana).

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, Roslee Mamat ketika dihubungi berkata, pihaknya sentiasa bersedia menghadapi pusingan banjir seterusnya.